



JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

**KEPENTINGAN PERANCANGAN KEWANGAN
DEMI KELESTARIAN HIDUP**

Tarikh Dibaca :

**12 Safar 1441H/
11 Oktober 2019M**

Disediakan oleh :

**Cawangan Khutbah dan Latihan
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan**



KEPENTINGAN PERANCANGAN KEWANGAN DEMI KELESTARIAN HIDUP

11 Oktober 2019M/ 12 Safar 1441H

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قَالَ تَزْرَعُونَ سَبْعَ سِنِينَ دَابًّا فَمَا حَصَدْتُمْ فَذَرُوهُ فِي سُنْبُلِهِ إِلَّا قَلِيلًا مِمَّا نَأْكُلُونَ ﴿٤٧﴾ ثُمَّ يَأْتِي مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ سَبْعٌ شِدَادٌ يَأْكُلْنَ مَا قَدَّمْتُمْ لَهُنَّ إِلَّا قَلِيلًا مِمَّا تَحْصِنُونَ ﴿٤٨﴾

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Marilah kita meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan menjunjung dan melaksanakan segala perintahNya serta meninggalkan segala laranganNya. Mudah-mudahan dengan taqwa yang kita bangunkan, kehidupan kita akan menjadi lebih baik, diberkati dan dilimpahi rahmat Allah SWT.



Pada hari yang penuh dengan keberkatan ini, marilah kita sama-sama menghayati bicara mimbar hari ini yang bertajuk : **"Kepentingan Perancangan Kewangan Demi Kelestarian Hidup"**.

Sidang Jemaah yang berbahagia,

Islam meletakkan kepentingan untuk menjaga dan menguruskan kewangan dengan baik. Ia merupakan termasuk aspek penjagaan harta dalam Maqasid al-Syariah. Islam menggalakkan umatnya untuk menghasil, mengembang dan menggunakan harta dengan bijaksana dan tersusun. Malah, harta juga adalah ujian ke atas manusia sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi RH daripada Ka'ab bin 'Iyadh RA, Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ لِكُلِّ أُمَّةٍ فِتْنَةً، وَفِتْنَةُ أُمَّتِي الْمَالُ.

Bermaksud : *"Sesungguhnya setiap umat mempunyai fitnah, dan fitnah bagi umatku adalah harta"*.

Jika diperincikan, pengurusan kewangan amat penting bagi pembentukan kehidupan setiap individu. Bagi setiap individu, keperluan kepada kewangan amat kritikal sehinggakan urusan harian menjadi keutamaan sepanjang masa demi memenuhi keperluan tersebut. Kelangsungan hidup dan perancangan masa hadapan merupakan elemen yang amat penting dalam pengurusan kewangan yang teratur. Malah ia juga berkait rapat dengan interaksi sosial di antara anggota masyarakat. Melalui pengurusan kewangan yang sistematik dapat menjamin kehidupan harmoni dan mewujudkan kestabilan ekonomi dalam negara.

Dalam Surah Yusuf ayat 47 hingga 48, Allah menggambarkan satu situasi yang menegaskan tentang peri pentingnya perancangan kewangan sebelum menghadapi sesuatu perkara agar tidak susah di kemudian hari.



Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dia (Yusuf) berkata: “Agar kamu bercucuk tanam tujuh tahun (berturut-turut) sebagaimana biasa; kemudian apa yang kamu tuai hendaklah kamu biarkan di tangkainya kecuali sedikit untuk kamu makan. Kemudian setelah itu akan datang tujuh (tahun) yang sangat sulit, yang menghabiskan apa yang kamu simpan untuk menghadapinya (tahun sulit), kecuali sedikit dari apa (biji gandum) yang kamu simpan.”

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Kegagalan seseorang menguruskan kewangan boleh mengakibatkan kesan yang sangat besar kepada individu, keluarga dan masyarakat sekeliling. Antaranya adalah bankrap atau mufliis. Menurut statistik, golongan berusia antara 35 hingga 44 tahun paling ramai terbabit dalam mufliis iaitu 34.4 peratus daripada jumlah keseluruhan. Manakala kedua paling tinggi adalah golongan mereka yang berusia antara 45 hingga 54 tahun iaitu membabitkan 26.37 peratus. Hal ini sekali gus menunjukkan golongan peringkat usia 35 hingga 54 tahun mewakili 60.77 peratus yang terbabit dalam mufliis iaitu lebih separuh daripada keseluruhan peratusan mufliis dalam negara. Anak muda juga tidak terlepas daripada mufliis apabila banyak berhutang untuk kereta, rumah dan hutang-hutang peribadi.

Selain itu, akibat buruk daripada tidak menguruskan wang adalah berlakunya pembaziran. Hasil pendapatan digunakan di tempat-tempat yang tidak sepatutnya secara berlebihan. Kesannya, pada pertengahan bulan, kebanyakan daripada kita sudah mula kekurangan wang untuk dibelanjakan untuk barang-barang keperluan dan mula mencari sumber wang lain antaranya dengan cara berhutang.



Tidak terhad kepada ruang lingkup individu sahaja, kegagalan merancang kewangan juga akan memberi kesan yang sangat besar kepada keluarga. Ahli keluarga akan merasai tempias masalah kewangan akibat tidak diurus dan dirancang dengan baik. Antaranya, anak-anak terpaksa dinafikan peluang untuk belajar dengan baik, suami isteri terpaksa berkerja lebih masa dan terpaksa melakukan kerja sambilan untuk menampung keperluan hidup. Kesannya, perhatian kepada keluarga terpaksa dikurangkan dan bakal memberi kesan kepada jiwa dan sosial anak-anak.

Semua kemungkinan ini adalah disebabkan kegagalan menguruskan kewangan dengan baik termasuk menguruskan simpanan, pengurusan hutang dan pinjaman serta kurang pengetahuan tentang ilmu pelaburan. Kita haruslah berhati-hati serta berjimat cermat dalam berbelanja, sesuai dengan pendapatan dan keperluan kita.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Jika kita gagal untuk merancang, kita sebenarnya merancang untuk gagal. Bagi mengelak daripada kesan-kesan buruk, perancangan tersusun amat diperlukan. Berikut adalah beberapa langkah untuk menguruskan kewangan dengan bijak dan sistematik.

Pertama : Menetapkan matlamat kewangan.

Menetapkan matlamat kewangan akan membantu mewujudkan aliran kewangan yang teratur dan tersusun. Hal ini akan mengelakkan kita daripada belanja berlebihan di tempat-tempat yang tidak sepatutnya sehingga berlaku pembaziran. Matlamat kewangan boleh diletakkan secara jangka masa pendek, sederhana dan panjang. Mulakan dengan matlamat yang paling jauh supaya jelas apa sasaran terakhir kemudian mudah untuk menetapkan langkah yang betul untuk berbelanja dan menguruskan kewangan.

**Kedua** : Simpan sebelum belanja dan berbelanja dengan baik.

Untuk melahirkan sikap berdisiplin dalam menggunakan wang, kita perlu menanggukkan kepuasan dengan menyimpan dahulu sebelum berbelanja. Sekiranya perbelanjaan dilakukan dahulu, kemudian jika ada lebih baru menyimpan, maka hal ini akan mengakibatkan masalah kewangan kronik pada masa akan datang. Menabung sangat penting untuk kegunaan di masa kecemasan, pembelian aset dan sebagainya. Justeru, selepas sahaja mendapat gaji bulanan, kita digalakkan untuk menyimpan sebahagiannya sebelum berbelanja dengan lebih gaji tersebut.

Selain itu, dalam berbelanja juga haruslah mengikut susunan keutamaan dan keperluan. Bermula dengan keperluan-keperluan asas seperti makanan, pakaian, pendidikan dan kesihatan, kemudian barulah kehendak yang lain.

Ketiga : Bijak menguruskan hutang.

Berhutang bukanlah satu kesalahan. Malah setiap orang tidak terlepas daripada berhutang seperti hutang bagi pembiayaan perumahan, kenderaan, pendidikan dan sebagainya. Justeru, kita perlulah menguruskan hutang dengan baik dan berazam serta berusaha untuk melunaskan segala hutang kerana ia akan memberi kesan kepada bukan sahaja kehidupan kita di dunia dan di akhirat.

Keempat : Melaburkan harta di tempat yang halal.

Harta boleh dikembangkan melalui pelaburan dan sebagainya. Contohnya, seperti melabur dalam Amanah Hartanah Bumiputra, saham-saham amanah yang patuh syariah, koperasi-koperasi yang berteraskan syariah, Tabung Haji, simpanan emas yang patuh syariah dan sebagainya.

Kelima : Membayar zakat dan cukai.



Membayar zakat merupakan rukun Islam yang ketiga dan wajib bagi setiap muslim untuk mengeluarkannya. Ia dapat menyucikan harta, melindungi sekaligus mengembangkan harta. Harta yang kita berikan di jalan Allah sama sekali tidak berkurangan, malah semakin bertambah dan diredhai oleh Allah SWT.

Manakala cukai pula adalah kewajipan seorang rakyat di dalam sesebuah negara. Cukai berfungsi untuk menampung kos perbelanjaan kerajaan dalam menyediakan manfaat kepada rakyat seluruh negara seperti infrastruktur, sekolah, hospital dan sebagainya.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Pengurusan kewangan yang teratur dan berperancangan akan membantu mensejahterakan kehidupan kita pada masa hadapan. Di negara ini terdapat pelbagai agensi yang boleh membantu dalam urusan – urusan kewangan ini, antaranya Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang menyediakan program yang komprehensif untuk pendidikan kewangan individu dan keluarga, kaunseling kewangan dan program penstrukturan hutang. Kesimpulan yang dapat diambil daripada khutbah hari ini ialah, antaranya:

Pertama : Perancangan kewangan bukan sahaja berkait dengan kepentingan seseorang atau sesebuah organisasi bahkan, ia adalah untuk kelestarian masyarakat dan negara.

Kedua : Islam menggalakkan umatnya untuk menghasil, mengembang dan menggunakan harta dengan bijaksana dan tersusun.

Ketiga : Kegagalan seseorang menguruskan kewangan boleh mengakibatkan kesan yang sangat besar kepada individu, keluarga dan masyarakat sekeliling seperti ditimpa bankrap dan muflis.



Firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah ayat 155 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
 وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ وَبَشِّرِ
 الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾

Bermaksud : “Demi sesungguhnya, Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
 وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
 وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
 فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الحمد لله رب العالمين، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ
 وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.



أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَعَلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكْنَا كَبَاوَهُ دُوْلِي يَغْ مَهَا مُوْلِيَا
سِرِي قُدُوكْ بَكِينْدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ، السُّلْطَانِ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى
بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دُوْلِي يَغْ مَهَا مُوْلِيَا سِرِي قُدُوكْ بَكِينْدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اَكُوغْ،
تُونُكُو (Tunku) حَاجِهِ عَزِيْزَةُ أَمِيْنَةُ مِيْمُونَةُ إِسْكَندَرِيَّةُ بِنْتُ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى
اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَندَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .



اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رَخَاءٍ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْرِرْ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

يا الله، جادىكنله كامى اورغ ۲ يغ منديرىكن صلاة سچارا برجماعه دان منوناىكن زكاة
ملاوعى فوست فوغوتن زكاة مجلس اكام اسلام ولايه فرسكوتوان سرتا رحمتيله كولوغن
يغ منوناىكن زكاة. جادىكنله اوسها MAIWP دالم مئاكيهكن زكاة دولايه فرسكوتوان
سباكاي ساتولغكه يغ بركنس باكي ملفسكن اصناف دري بلغكو كميسكين.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.